

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH: 31 OKTOBER 2016

SOALAN:

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang diambil untuk membantu perniagaan-perniagaan kecil dalam pelaksanaan gaji minimum yang akan menyebabkan banyak tadika, perniagaan - perniagaan pengasuhan anak dan perniagaan-perniagaan kecil untuk ditutup.

PR-1343-L75752

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sentiasa perihatin dalam memastikan dasar ini dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan operasi pihak industri terutamanya peniaga kedai runcit,

pengusaha TASKA dan penaja kecil seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat. Antara pendekatan dan insentif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i) Dalam membantu pihak TASKA bagi melaksanakan Perintah Gaji Minimum 2016 (PGM 2016) ini, Kementerian berpandangan bahawa pihak TASKA boleh melaksanakan gaji minimum ini berdasarkan kadar gaji minimum harian dan jam seperti yang telah ditetapkan dibawah PGM 2016 Ini kerana pematuhan PGM 2016 tidak semestinya berdasarkan pembayaran gaji minimum bulanan tetapi juga berdasarkan gaji minimum harian dan jam. Namun begitu, perkara ini adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak bagi memastikan hak pekerja masih terjamin tanpa menjejaskan kelangsungan operasi TASKA;
- ii) Bagi majikan PKS yang melaksanakan gaji minimum, Kerajaan turut membuat beberapa perubahan dasar seperti pembayaran levi oleh pekerja asing dan memberi kebenaran blanket kepada majikan untuk membuat pemotongan gaji pekerja bagi kemudahan perumahan yang diberikan dengan kadar maksimum potongan RM 50.00 sebulan;
- iii) Kerajaan memperkenalkan insentif bersesuaian untuk pembangunan automasi dan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti, pengeluaran dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.